

**SOALAN NO: 255**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH :**

**SOALAN : 255**

**YB Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes tuberkulosis (TB) dan HIV/AIDS dan kematian mengikut warga Malaysia dan warga asing sejak sepuluh tahun yang lalu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Secara umumnya terdapat peningkatan jumlah kes Tibi dari tahun 2006 sehingga tahun 2016. Pada tahun 2006 jumlah kes TB adalah adalah **16,665** kes (kadar notifikasi **62.6** setiap 100,000 penduduk) manakala pada tahun 2016 jumlah kes Tibi adalah **25,739** kes (kadar notifikasi **83.4** setiap 100,000 penduduk). Jumlah kes TB bukan warganegara adalah diantara 11% hingga 14% daripada keseluruhan jumlah kes TB (rujuk Jadual 1).

Pada tahun 2006 hingga 2010, peningkatan kes TB adalah diantara 1% hingga 3%. Dari tahun 2011 hingga 2016 terdapat peningkatan peratus kes TB iaitu diantara 6% hingga 9%. Peningkatan ini adalah selaras

dengan strategi kementerian iaitu meningkatkan pengesanan awal kes TB melalui program saringan kontak, saringan simptomatik dan saringan golongan berisiko tinggi yang telah dijalankan.

Jumlah kematian TB pada tahun 2006 adalah **1,431** kematian (kadar kematian 5.4 setiap 100,000 penduduk) berbanding **1,945** kematian (kadar kematian 6.3 setiap 100,000 penduduk) pada tahun 2016. Kematian TB dikalangan warga asing adalah 7% hingga 9% berbanding jumlah keseluruhan kematian Tibi pada tahun 2012 hingga tahun 2016.

Sejak tahun 2008; sehingga 30 September 2017, sejumlah 34,363 kes dilaporkan sebagai jangkitan HIV dimana 92.2% adalah warganegara dan 6.5% warga asing. Sebanyak 10,508 AIDS dilaporkan dalam tempoh sepuluh (10) tahun kebelakangan ini dengan 95.5% warganegara dan 4.3% warga asing. Manakala 7,979 kes kematian berkaitan HIV / AIDS telah dilaporkan di seluruh negara dengan 95.8% warganegara dan 4.2% warga asing (rajah 1). Ini memberikan sejumlah 26,384 orang yang hidup dengan HIV di Malaysia dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini.

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi menangani kes HIV sejak tahun 1985 iaitu setahun sebelum penyakit ini mula dikesan di negara ini. Langkah – langkah pencegahan, kawalan, rawatan dan sokongan bagi HIV/AIDS ini dilaksanakan sepetimana yang digariskan dalam beberapa siri Pelan Tindakan HIV/AIDS dan Pelan Strategik Kebangsaan bagi Mengakhiri AIDS 2016-2030. Perlaksanaan pelan ini telah berjaya membawa hasil dengan penurunan ketara kes HIV baru seperti yang dinyatakan di atas terutama kes HIV melalui penagihan dadah suntikan dan transmisi HIV dari ibu kepada bayi.